

**ORIGINAL ARTICLE****Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu**

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah\* and Mohd Firdaus Che Yaacob

Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Beg Berkunci No. 1, 16300 Kelantan, Malaysia.

**ABSTRAK** – Masyarakat Melayu tradisional dengan cerita rakyat merupakan sebuah jalinan akrab yang tidak dapat dipisahkan. Hal ini demikian kerana, kisah-kisah yang berkisar dalam cerita rakyat merupakan gambaran terhadap corak hidup masyarakat Melayu terdahulu. Selain itu, kandungan cerita rakyat Melayu juga tidak terkecuali daripada nilai Islam kerana orang Melayu zaman lampau kebanyakannya beragama Islam. Seterusnya, kajian ini dijalankan kerana bertitik tolak daripada kelompongan sejumlah kajian lepas, yang mana aspek nilai Islam yang masih belum diteroka secara menyeluruh kepada pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Oleh itu, kajian ini akan berpandukan beberapa objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan teori Takmilah sebagai deduktif kajian untuk memantapkan hujah analisis. Pendekatan kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini akan memberi pencerahan mengenai nilai-nilai Islam seperti merendah diri, tawakal, bersyukur, taat dan persahabatan dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Antara cerita-cerita rakyat yang dibataskan ialah *Mengapa Bangau Kurus, Kelekatu Sombong, Kalimah Bismillah, Ditelan Yu, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Bukit dan Pokok* dan *Setiakawan*. Hasil kajian ini membuktikan masyarakat zaman dahulu menerapkan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat bagi membina sebuah masyarakat yang berakhlaq mulia.

**ARTICLE HISTORY**

Revised: 11 August 2020

Accepted: 9 Sept 2020

**KEYWORDS**

Akhlaq  
Cerita rakyat Melayu  
Masyarakat Melayu  
Teori Takmilah

*Malay community*  
*Malay folklore*  
*Morals*  
*Theory of Takmilah*

**Islamic Values and Moral Development in Malay Folktales**

**ABSTRACT** – Malay folklores are inseparable from the Malay community as they depict the community's cultures and lifestyle in the past. In addition, a lot of folklores incorporate the Islamic values as most of the Malays are Muslims. This study is conducted to fill the gaps in the literature as many of the Islamic values in folklores have not been thoroughly probed in terms of their influences in behavioural development. Therefore, this study's objectives are to identify and analyse the values of Islam in Malay folklores as well as their influences in behavioural development. This study uses Takmilah theory as the deductive approach, as well as qualitative approach which involves library research and textual analysis. This study will provide insights on the values of Islam such as humility, tawakkul (reliance on God), gratitude, obedience and friendship in Malay folklores based on *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Among the folklores used are *Mengapa Bangau Kurus, Kelekatu Sombong, Kalimah Bismillah, Ditelan Yu, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Bukit dan Pokok*, and *Setiakawan*. The results of this study indicates that people of ancient times inculcated Islamic values in the Malay folklores to build a community of dignity.

**PENGENALAN**

Pada hakikatnya, karya sastera yang paling tua adalah sastera lisan, atau kini dikenali sebagai sastera rakyat atau cerita rakyat, dimiliki oleh hampir semua peradaban bangsa di dunia dan merupakan warisan bangsa yang diperturunkan daripada generasi terdahulu kepada generasi terkini, Mohd Taib Osman (1965). Selain itu, cerita rakyat sesuai dijadikan medium untuk merungkai soal kebudayaan, pemikiran, cara hidup, kepercayaan, adat istiadat dan impian masyarakat Melayu terdahulu (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Namun begitu, karya sastera lama ini semakin tenggelam dalam peredaran zaman dan khazanah keagungan ini wajar didokumentasikan dan dimartabatkan kerana ianya cukup bernilai kepada masyarakat pendukung dan berperanan sebagai aset apresiasi (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Pendapat ini menunjukkan bahawa cerita rakyat menjurus kepada ekspresi kebudayaan yang mempunyai pertalian yang utuh dengan

bangsa manusia. Rentetan daripada itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menegaskan bahawa cerita rakyat juga dilahirkan oleh masyarakat dan dikenali sebagai kesusasteraan rakyat yang dengan erti kata lain sastera daerah yang disebarluaskan oleh etnik dan kelompok tertentu dalam kaum masing-masing serta kaya dengan nilai-nilai positif. Hal ini bermaksud, cerita rakyat merupakan salah satu ranting dalam kesusasteraan rakyat dan disebarluaskan oleh masyarakat terdahulu serta ianya dimiliki secara bersama oleh sesebuah masyarakat.

Di samping itu, cerita rakyat juga merupakan bukti kearifan tempatan orang Melayu dalam menyebarkan nilai murni positif terutamanya nilai Islam kepada masyarakat Melayu. Masyarakat terdahulu berkemungkinan tidak mengiktiraf nilai positif sebagai nilai Islam kerana secara umumnya agama Islam belum diserap sepenuhnya oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Namun begitu, cerita rakyat yang sememangnya medium penyebaran nilai positif ketika itu juga secara tidak langsung telah menyebarkan nilai-nilai Islam kepada masyarakat Melayu tradisional untuk dijadikan pegangan hidup. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Rezki Perdani Sawai (2018), nilai-nilai Islam merangkumi nilai akhlak dan nilai moral yang membawa maksud perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama hasil daripada sesuatu yang diajar, dilihat atau didengari. Oleh itu, kajian yang lebih bersifat akademik mengenai cerita rakyat amat wajar dilakukan dan diangkat martabatnya supaya khazanah kebangsaan yang sarat dengan nilai Islam ini terus terpelihara seterusnya dijadikan rujukan yang mampu membentuk akhlak dalam masyarakat Melayu.

Seterusnya, nilai Islam boleh didefinisikan sebagai nilai yang menyentuh kepercayaan atau soal akidah, kerohanian serta cara atau amalan hidup yang baik yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat yang berteraskan kepercayaan adanya tuhan atau Yang Maha Kuasa (Abd. Rahim Abd Rashid, 1993). Sehubungan dengan itu, nilai adalah sesebuah perkara yang amat penting dalam kehidupan sehari-hari setiap manusia di atas muka bumi Allah S.W.T. Hal ini kerana, nilai berupaya menyeimbangkan kehidupan manusia sekiranya diamalkan secara jitu. Selain itu, menurut Mohd Rosli Saludin (2007) nilai Islam ialah nilai yang bukannya ditentukan oleh manusia tetapi oleh Allah S.W.T yang disampaikan kepada manusia melalui wahyu. Tidak dapat dinafikan bahawa segala yang baik-baik itu datang dari Allah S.W.T dan diwahyukan kepada seluruh umat manusia. Nilai-nilai ini bersifat mutlak, muktamad dan kekal abadi. Maka daripada pandangan tokoh di atas, jelaslah nilai Islam merupakan nilai yang telah diwahyukan kepada seluruh hamba-Nya bertujuan untuk membawa manusia ke arah kebaikan selaras dengan kehendak agama Islam.

## SOROTAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin (2015) bertumpu kepada nilai jati diri yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu khususnya dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti nilai jati diri membincangkan kepentingan nilai jati diri yang terkandung dalam cerita rakyat kepada masyarakat Melayu. Seterusnya, Teori Ekologi Budaya telah diaplikasikan dalam kajian ini dalam bahagian analisis. Antara nilai jati diri yang ditegaskan dalam kajian ini termasuklah keberanian, kerjasama dan rasional. Sebagai rumusannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat Melayu sarat dengan nilai jati diri yang mampu membentuk masyarakat Melayu yang kaya dengan nilai jati diri.

Penelitian diteruskan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) yang memfokuskan nilai baik hati dalam cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu. Seterusnya, kajian ini berpandukan objektif iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang (1989) bagi memantapkan lagi huraian analisis. Hasil kajian mendapat bahawa cerita rakyat Melayu sememangnya terkandung nilai baik hati yang berupaya memberi motivasi kepada masyarakat Melayu supaya menerapkan nilai baik hati dalam kehidupan.

Seterusnya, kajian mengenai cerita rakyat yang mengutarakan elemen kepentingan nilai dan kebudayaan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu melalui perisian E-Cerita Rakyat kepada kanak-kanak sekolah rendah. Kajian ini telah dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi (2017). Selain itu, kajian ini tertumpu kepada perbincangan mengenai nilai yang terdapat di dalam lirik lagu menerusi cerita rakyat Melayu yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Sebagai rumusannya, cerita rakyat yang disampaikan melalui lirik-lirik lagu yang dijalin dengan melodi yang menarik telah menjadi pilihan kegemaran kanak-kanak.

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menjalankan kajian mengenai cerita rakyat menerusi kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini berkisarkan tentang aspek nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan yakni cerita rakyat di lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Sehubungan itu, cerita rakyat dikumpul dan dikenal pasti nilai murni yang terkandung di dalamnya. Setelah itu, nilai-nilai murni tersebut dianalisis dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan. Hasil mendapat cerita rakyat di lembangan Sungai Pengkalan Datu mengandungi nilai murni yang boleh dijadikan landasan kepada masyarakat Melayu untuk membentuk masyarakat yang berakhlaq mulia.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional* oleh Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun dan Farra Humairah Mohd (2019) mengutarkan aspek mitos mencerminkan pemikiran masyarakat. Selain itu, kajian ini menggunakan teks hikayat dalam tradisi kesusasteraan Melayu seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* dan cerita lisan yang terdapat *Cerita Rakyat Malaysia* (2008) sebagai bahan kajian. Seterusnya, cerita rakyat tersebut akan dianalisis menggunakan pendekatan sosiologi sastera oleh Ken (1997). Hasil kajian mendapat bahawa fungsi mitos adalah merupakan sebuah jawapan atau landasan kepada masyarakat mengenai peristiwa lampau dan berfungsi untuk meninggikan martabat diraja.

Kajian cerita rakyat yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak dan Siti Ezaleila Mustafa (2019). Kajian yang lebih tertumpu kepada aspek transformasi ini telah dijalankan bagi membincangkan sejauh mana transformasi penyampaian cerita rakyat di Malaysia sesuai dengan perkembangan teknologi dan pengenalan Dasar Industri Kreatif Negara. Rentetan itu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa judul cerita rakyat yang telah diadaptasi kepada media digital dan format yang telah digunakan oleh para penerbit dalam proses adaptasi tersebut. Selain itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan rekonstruksi bagi memantapkan lagi analisis kajian. Dapatkan kajian jelas menunjukkan bahawa, cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Oleh itu, usaha yang lebih jitu harus dilakukan bagi memelihara khazanah kebangsaan ini dan seterusnya memartabatkannya ke peringkat yang lebih tinggi.

Kajian mengenai cerita rakyat diteruskan lagi dengan sebuah kajian yang bertajuk *Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* oleh Rahimah Hamdan dan Alya Batrisyia Annuar (2020). Kajian ini berkisarkan tentang perspektif Barat mengenai "Melayu Malas" dan "Melayu Bodoh" yang telah dilabel oleh penjajah British dari zaman penjajahan. Kajian ini berpaksikan mengenalpasti dan menganalisis kebenaran perspektif terbut berdasarkan cerita jenaka Melayu. Kajian ini berlandaskan metod yang melibatkan analisis teks dengan menggunakan cerita jenaka Melayu seperti *Pak Pandir*, *Pak Kaduk*, *Pak Belalang* dan *Si Luncai*. Hasil kajian mendapati analisis terhadap cerita jenaka Melayu tersebut dapat menyanggah perspektif Barat mengenai "Melayu Malas" dan "Melayu Bodoh".

Kesimpulannya, berdasarkan kepada sorotan kajian yang diperoleh ini, maka jelas membuktikan bahawa terdapat kepelbagaiannya aspek yang telah dikaji oleh para sarjana sebelum ini. Terdapat juga aspek nilai telah dikaji yang menjurus kepada nilai murni dalam cerita rakyat. Namun begitu, aspek nilai terutamanya nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu masih belum dikaji secara menyeluruh oleh para pengkaji. Oleh itu, sebuah kajian mengenai nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu wajar dilakukan bagi menambah nilai kajian ilmiah terhadap cerita rakyat Melayu.

## **PENYATAAN MASALAH**

Kajian ini dijalankan bertitik tolak daripada beberapa sorotan kajian yang diperoleh daripada para pengkaji lepas. Hal ini merujuk kepada kajian-kajian lepas berkisar cerita rakyat termasuklah *Cerita Rakyat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu* oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin Yusop (2015), *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016), *Dissemination of Values through the E-Folklore* oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi dan Awang Azman Awang Pawi (2017), *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dan *Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional* oleh Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun dan Farra Humairah Mohd (2019). Sehubungan dengan itu, kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa kajian terhadap cerita rakyat lebih memberi penelitian terhadap nilai, kebudayaan, moral dan teknologi yang dilihat dapat membentuk perilaku dalam kalangan masyarakat serta pendokumentasian cerita rakyat mampu dipengaruhi oleh kemajuan teknologi canggih.

Berdasarkan pengamatan yang dijalankan oleh pengkaji, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat aspek yang masih belum diterokai secara menyeluruh dan sepatutnya diberi perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, kajian mengenai nilai Islam dalam cerita rakyat terhadap pembentukan moral masyarakat Melayu wajar dijalankan. Kajian ini akan membawa pembaca menelusuri keunggulan cerita rakyat Melayu dengan memberi penekanan terhadap nilai-nilai Islam yang terkandung di dalamnya menerusi beberapa prinsip Teori Takmilah yang lebih menjurus kepada pertalian di antara karya sastera dan nilai Islam dengan pembentukan akhlak khalayak atau masyarakat.

Seterusnya, bertentangan pula dengan kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016). Kajian ini menumpukan perhatian terhadap nilai baik hati yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu, yang mana kajian ini memberi penelitian untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat Melayu. Sebagai contoh, penerapan unsur nilai baik hati melalui sifat pemurah dapat menimbulkan kesedaran dalam diri masyarakat Melayu.

Di samping itu, kajian yang memfokuskan nilai Islam dalam cerita rakyat ini perlu dijalankan kerana permasalahan mengenai stigma masyarakat yang secara umumnya menganggap cerita rakyat sebagai hal yang remeh dan tidak memberi faedah. Hal ini jelas kerana sesetengah masyarakat kurang mengamati cerita rakyat dan tidak melihat nilai-nilai positif apatah lagi nilai Islam yang terkandung di dalamnya. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharap dapat menjelaskan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu sekali gus menemukan jalan penyelesaian kepada permasalahan ini.

## **BATASAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan tertakluk kepada beberapa batasan iaitu fokus kajian hanya terhad kepada sembilan buah cerita rakyat yang dipilih dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* untuk mengkaji cerminan nilai-nilai Islam yang terkandung di dalamnya. Antara tajuk yang dipilih termasuklah *Mengapa Bangau Kurus*, *Kelekatu Sombong*, *Kalimah Bismillah*, *Ditelan Ikan Yu*, *Angsa Berbulu Emas*, *Bertukar Menjadi Batu*, *Mengapa Pinggang Kerengga Ramping*, *Bukit dan Pokok* dan *Setiakawan*. Teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* ini diselenggarakan oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Buku ini telah diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn Bhd pada tahun 2017.

Selain itu, penelitian ini hanya terbatas pada aspek akhlak dan akan dianalisis menggunakan Teori Takmilah menerusi 4 iaitu prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (sempurna), ketuhanan yang bersifat *Akmal* (sempurna), keislaman yang bersifat *Akmal* (sempurna) dan pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri (menyempurnakan). Pendekatan dan prinsip Takmilah digunakan dalam kajian ini kerana ia dilihat sangat bertepatan dengan fokus terhadap nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu dan pembentukan akhlak masyarakat Melayu yang beragama Islam.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kaedah kepustakaan dijalankan menerusi proses pengumpulan data yang sesuai dengan kajian. Sebagai contoh artikel, jurnal, tesis, buku dan kertas kerja yang berkaitan cerita rakyat Melayu dan juga Teori Takmilah. Kaedah ini tertumpu di perpustakaan terpilih.

Kaedah teks pula melibatkan pembacaan teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof dan Fatimah Abdul Nasir pada tahun 2017. Selain itu, sembilan cerita rakyat dipilih secara rawak berdasarkan teks tersebut iaitu *Mengapa Kerbau Kurus, Kalimah Bismillah, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu*, dan akhir sekali *Bukit dan Pokok*. Cerita-cerita rakyat ini dipilih kerana berdasarkan penelitian didapati bahawa ianya mengandungi nilai-nilai Islam yang menjadi tunjang utama kajian. Hal ini bertepatan dengan aspek kajian iaitu nilai-nilai Islam. Setelah itu, cerita rakyat tersebut dianalisis secara sistematis bagi menghuraikan nilai-nilai nilai Islam dan seterusnya diaplikasikan menggunakan Teori Takmilah yang dipelopori oleh Shafei Abu Bakar (1996).

Selanjutnya, kajian ini akan memperincikan tentang Teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafei Abu Bakar. Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Teori ini merupakan satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid dan nilai keislaman.

Menurut Shafei Abu Bakar (1996), *takmilah* ialah istilah yang berkait rapat dengan sifat *Kamal* Allah yang bererti sempurna. Melalui kata dasar sempurna ini telah lahir perkataan *takmilah* yakni menyempurnakan. Oleh hal yang demikian, istilah *takmilah* ini menunjukkan bahawa karya yang dikaji menggunakan Teori Takmilah merupakan sebuah karya yang sempurna. Menurut Mana Sikana (1997), pada tahun 1996, Shafei Abu Bakar telah memperhalusi dan memantapkan lagi Teori Takmilah dengan mengutarakan 7 prinsip. Prinsip-prinsip tersebut termasuklah prinsip ketuhanan yang bersifat *Kamal*, prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*, prinsip Islam yang bersifat *Akmal*, prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat *Takamul*, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *Takmilah*, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil*.

Pertama, prinsip yang terkandung dalam Teori Takmilah ialah Ketuhanan Bersifat *Kamal*. Menurut Shafei Abu Bakar (1997) prinsip pertama dalam Teori Takmilah ini menghuraikan hubungan dua sifat Allah SWT iaitu *Kamal* (sempurna) dan *Jamal* (keindahan). KesempurnaanNya yang jelas dilihat melalui makhluk kejadianNya. Kewujudan manusia yang telah dicipta oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian dalam memperlihatkan sifat *Kamal* dan *Jamal*Nya. Seterusnya, prinsip Rasul sebagai insan *Kamil*. Prinsip ini menekankan kerasulan sebagai insan *Kamil* mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW sebagai insan *Kamil* yang mempunyai pertalian dengan istilah *Kamal* bererti sifat Allah yang Maha Sempurna. Tambahan lagi, menurut Kamariah Kamaruddin (2016) didapati bahawa sifat yang ada pada Rasulullah SAW sebagai insan *Kamil* (sempurna) membuktikan kewujudan manusia dengan sebaik-baik kejadian yang seterusnya dapat dijadikan *qud wah hasanah* (contoh tauladan) kepada manusia dalam merealisasikan kehidupan lebih baik (Shafei Abu Bakar, 1997).

Seterusnya, prinsip Islam bersifat *Akmal* merupakan satu-satunya agama yang direhstiNya (Shafei Abu Bakar, 1997). Hal ini menjelaskan bahawa ilmu yang dibawa dalam kandungan sastera seharusnya berhubung kait dengan diri sendiri supaya tidak makna dan mesej yang ingin disampaikan tidak terpesong. Selain itu, teori ini memiliki prinsip sastera bercirikan estetik dengan melihat sastera yang berciri estetik ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Kedua-dua aspek ini terjalin dengan indah dan berupaya berdiri sebagai sebuah karya sastera yang boleh memberi manfaat kepada khalayak (Shafei Abu Bakar, 1997).

Seterusnya, prinsip pengkarya mengistikmalkan diri merupakan tunjang kepada pengkarya itu sendiri melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keislaman dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam golongan yang alim dalam ilmu-ilmu Islam terutama ilmu yang ingin disampaikan kepada khalayak (Shafei Abu Bakar, 1997). Disamping itu, prinsip hubungan khalayak dengan sastera merupakan suatu hubungan rapat antara satu sama lain yang memperincikan tentang pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan (Shafei Abu Bakar, 1997).

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), nilai merupakan batu asas kepada pembentukan sifat-sifat mulia, peradaban dan ketamadunan yang harus dimiliki oleh setiap manusia untuk mewujudkan hubungan yang murni dengan sesama manusia, alam semesta dan Maha Pencipta yakni Allah S.W.T.

Di samping itu, definisi nilai boleh dirujuk kepada pendapat Hashim Musa (2008) yang mana nilai dapat dibahagikan kepada empat jenis iaitu nilai estetika, nilai moral, nilai doktrin dan nilai budaya. Keempat-empat jenis nilai ini akan menjadi utuh dan mantap sekiranya dijalin dengan ajaran Islam yang bertunjangkan al-Quran dan Sunnah. Pendapat ini disokong oleh Nik Azis Nik Pa (1990) yang menyatakan nilai sering dikaitkan dengan budi pekerti yang luhur dan akhlak

yang mulia. Kedua-dua aspek ini tidak akan terhasil sekiranya tidak bertunjangkan agama Islam yakni agama yang diredhui oleh Allah SWT. Sehubungan itu, rangkuman kedua-kedua aspek penting tersebut akan melahirkan masyarakat yang beragama, berakhhlak dan mempunyai jiwa mantap serta tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir luar. Berdasarkan pendapat ini, wajar bagi masyarakat Islam untuk mendalamai nilai-nilai yang dianjurkan oleh agama Islam melalui pelbagai medium khususnya medium cerita. Gambaran terhadap nilai Islam dalam cerita rakyat amat membantu dalam memberi kefahaman dengan lebih santai kepada masyarakat Melayu.

Menurut Asmawati Suhid dan Abdul Rahman Md. Aroff (2004), istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab iaitu perkataan *khuluq* yang memberi maksud tingkah laku, perangai, kepercayaan, tabiat atau maruah. Berdasarkan pengertian ini, akhlak gambaran atau perangai seseorang boleh dilihat pada akhlaknya. Menurut Mohd Khairie Shafei dan Mohammad Khairi Haji Othman (2017), akhlak merupakan satu set kepercayaan, undang-undang dan sistem yang berkait dengan kelakuan atau tingkah laku manusia yang menentukan sesuatu perkara itu baik atau buruk, dan betul atau salah dalam konteks ketauhidan kepada Allah SWT. Hal ini menunjukkan perkaitan dia antara kepercayaan dengan hasil tindakan manusia dipengaruhi oleh akhlak manusia itu sendiri.

### **Nilai Merendah Diri**

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai merendah diri merupakan sebuah nilai yang mengajar manusia untuk bersikap sederhana dan tidak sompong dalam kehidupan Selain itu rendah diri berasal daripada perkataan *tawadhu* yang membawa maksud sifat merendahkan hati kepada sesuatu yang diagungkan (Achmad D. Marimba, 1981). Berdasarkan definisi tersebut, rendah diri merupakan sifat yang tidak sompong dan angkuh terhadap orang lain.

Nilai merendah diri dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Mengapa Bangau Kurus*. Cerita ini mengisahkan seekor bangau yang sompong sehingga memakan diri pada akhirnya. Hal ini dapat dilihat dalam petikan 1 di bawah.

Petikan 1:

Tiba-tiba bangau teringat semula hajatnya kepada baginda. “Aku sudah tersalah cakap! Aku hendak makan tujuh kali sehari tetapi aku minta tujuh hari sekali! Patutlah semua burung terkejut tetapi mereka tidak berkata apa-apa pun. Mungkin kerana aku sompong dengan mereka,” kata bangau sesal. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p. 16)

Menerusi Petikan 1, jelas menunjukkan akibat yang ditanggung oleh bangau kerana kesombongannya terhadap haiwan-haiwan lain. Cerita ini menggarapkan peri pentingnya nilai merendah diri dalam kehidupan bermasyarakat supaya tidak disisih oleh anggota masyarakat. Sehubungan itu, cerita rakyat ini menegaskan nilai merendah diri merupakan tanda kehebatan iman seorang Muslim dan dapat membentuk akhlak masyarakat supaya lebih utuh dan mantap. Pengolahan cerita rakyat ini berjaya menyerlahkan salah satu nilai Islam iaitu merendah diri kepada khalayak.

Selain itu, nilai rendah diri dapat dilihat dalam cerita rakyat bertajuk *Kelekatu Sombong* berdasarkan Petikan 2, “‘Penakut betul kamu semua ini. Biar aku seorang yang pergi terbang dekat dengan api obor itu,’ kata kelekatu itu dengan sompong. Dia pun dengan pantas terbang menuju obor. Apa lagi sampai sahaja pada api itu, kedua-dua sayapnya terbakar”. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p. 206)

Petikan 2 di atas menunjukkan seekor kelekatu yang tidak mengendahkan nasihat kawan-kawannya yang lain untuk tidak mendekati api obor. Namun, dengan sifat sompong dan tanpa rasa rendah diri dia telah mendekati api obor sehingga menyebabkan kedua-dua sayapnya terbakar dan tidak berupaya untuk terbang lagi. Hal ini jelas menekankan sikap merendah diri dalam kehidupan bermasyarakat adalah sangat penting supaya dapat menjalani kehidupan yang harmoni dan mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini.

Selain itu, menurut Mohd Khairi Bin Shafie dan Mohamad Khairi Haji Othman (2016) berpendapat bahawa akhlak yang baik adalah hasil daripada kefahaman ilmu pengetahuan yang diperolehi secara formal atau tidak formal. Hal ini menjelaskan bahawa medium cerita rakyat merupakan penyampaian ilmu secara tidak formal yang berbentuk santai kerana menggunakan kaedah bercerita kepada khalayak. Menerusi kaca mata Islam, pendidikan akhlak sangat ditekankan oleh agama Islam dalam membina peradaban bangsa yang cemerlang dari segi akhlak.

Seterusnya, pengaplikasian prinsip Takmilah dapat digarap melalui prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (sempurna). Menurut Shafei Abu Bakar (1997) disokong oleh Kamariah Kamaruddin (2016), pengkarya mengajak pembaca merenung kejadian alam semesta dengan mempertalkannya dengan kehidupan manusia. Berdasarkan pendapat ini, jelas menunjukkan pengolah cerita rakyat atau karya sastera harus berperanan sebagai pencetus dalam membawa khalayak untuk memikirkan tentang kebesaran Allah SWT dapat mengatasi keangkuhan diri dan rasa sompong supaya menjadi masyarakat yang merendah diri dalam institusi kemasyarakatan. Oleh itu, cerita rakyat yang bertajuk *Mengapa Bangau Kurus* jelas mengutarakan kepentingan nilai merendah diri kepada masyarakat dan sekali gus menyumbang nilai pembentukan akhlak dalam diri setiap anggota masyarakat.

### **Nilai Tawakal**

Menurut Muhd Mu'inudinillah Basri (2008), tawakal ialah kepercayaan sepenuhnya dan menyandarkan diri terhadap Allah S.W.T dengan meyakini bahawa Allah S.W.T itu Pemberi Rezeki, Maha Pencipta dan Maha Menghidupkan. Selain itu, menurut *Kamus Pelajar* (2015), tawakal boleh didefinisikan sebagai berserah kepada Allah S.W.T. Dalam konteks kajian ini, tawakal boleh diertikan sebagai keyakinan manusia terhadap kekuasaan Allah S.W.T dalam menentukan rezeki dan takdir manusia.

Oleh itu, cerita rakyat yang bertajuk *Kalimah Bismillah* menggarapkan nilai Islam dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui Petikan 3, “‘Maafkan abang, Kenanga. Niat abang tidak baik. Sekarang baru abang sedar. Rupa-rupanya kalimah Bismillah itulah yang menjadikan ular itu bertukar menjadi emas. Mulai sekarang, abang juga akan membaca Bismillah setiap kali memulakan sesuatu kerja,’ kata Jali”. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p. 93)

Menerusi Petikan 3 di atas, petikan mengisahkan mengenai ular bertukar menjadi emas kerana watak si isteri yang selalu membaca kalimah Bismillah sebelum memulakan kerja. Ular yang diletakkan di dalam tempayan beras bertukar menjadi emas setelah dipegang oleh isterinya, Kenanga kerana berkat membaca kalimah Bismillah. Jelaslah menunjukkan ganjaran seorang Muslim yang sentiasa bertawakal dan mengingati Allah SWT dengan sentiasa membaca kalimah Bismillah sebelum memulakan apa jua kerja.

Cerita rakyat yang selanjutnya ialah *Ditelan Ikan Yu* yang memuatkan nilai *Tawakal* sebagai nilai Islam yang boleh dijadikan iktibar. Hal ini dapat dilihat dalam Petikan 4, “Kesemua penumpang lemas kecuali Putera Jayakesuma. Tiba-tiba, seekor ikan yu yang sangat besar dan garang datang menyambar lalu menelan Putera Jayakesuma. Dengan kuasa Allah yang Maha Berkuasa, Putera Jayakesuma masih hidup”. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p. 204)

Berdasarkan kepada Petikan 4, cerita ini membuktikan atas kekuasaan Allah SWT telah menyelamatkan Putera Jayakesuma walaupun sudah ditelan oleh ikan yu. Cerita rakyat ini bertujuan mendidik khalayak muhasabah diri tentang kekuasaan Allah SWT ke atas kehidupan manusia.

Menurut Muhd Mu'inuddin Basri (2008), tawakal kepada Allah adalah menjadikan Allah SWT sebagai sandaran atau penyerahan atau wakil dalam mengurus segala urusan. Berdasarkan pendapat ini, nilai tawakal ini merupakan salah satu sendi keimanan dan ketauhidan seseorang Muslim terhadap Islam dan Allah SWT. Oleh itu, nilai tawakal ini wajib ada dalam proses pembentukan akhlak sesebuah masyarakat supaya pembentukan akhlak menjadi lengkap dan sempurna dengan adanya nilai tawakal.

Sehubungan itu, berdasarkan prinsip *Takmilah* yang saling melengkapi iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat *Akmal* (sempurna) yang diilhamkan oleh Shafei Abu Bakar (1997), yang mana prinsip ini menjurus kepada penghuraian mengenai hubungan dua sifat Allah SWT iaitu *Kamal* (sempurna) dan *Jamal* (keindahan). Berdasarkan prinsip pertama, jelas memperlihatkan pertalian yang erat antara *sempurna* dan *keindahan*. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat yang mengandungi nilai tawakal ini menjelaskan kesempurnaan hubungan manusia dengan Allah SWT. Tegasnya, kedua-dua buah cerita rakyat ini mengungkapkan peri pentingnya nilai tawakal dalam kehidupan manusia sekali gus memberi dorongan yang jitu terhadap pembentukan akhlak masyarakat.

### **Nilai Bersyukur**

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai syukur ialah sebuah perasaan yang merasa cukup dan bersederhana dalam menjalani kehidupan serta sentiasa berterima kasih kepada orang lain dan Allah S.W.T kerana telah memberi rezeki atau bantuan. Menurut Choirul Mahfud (2014), syukur adalah tanda terima kasih umat manusia terhadap Allah S.W.T. Dalam konteks kajian ini, rasa syukur yang sepatutnya dizahirkan oleh masyarakat menjadi penting untuk diperaktikkan mengelakkan sifat tamak dan berlebihan supaya mendapat nikmat ketenangan dalam kehidupan.

Seterusnya nilai bersyukur dapat dilihat menerusi cerita rakyat berjudul *Angsa Berbulu Emas*. Cerita ini mengisahkan seorang watak yang tidak bersyukur dan tamak. Hal ini dapat dijelaskan menerusi Petikan 5 di bawah.

#### **Petikan 5:**

Selepas dari hari itu, setiap hari angsa akan ke rumah wanita tersebut dan memberikan sehelai bulu emasnya. Kini hidup wanita itu dan anaknya telah senang. Timbullah perasaan tamak di dalam hati wanita itu. Suatu hari dia berkata dua orang anaknya, “Ibu hendak cabut semua bulu emas angsa itu. Kita tak boleh percaya padanya. Mana tahu nanti dia tak datang lagi ke rumah kita.” (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p. 22)

Berdasarkan Petikan 5, petikan menunjukkan watak seorang wanita yang tidak bersyukur dengan rezeki yang diperoleh dalam kehidupannya. Perasaan tamak telah menguasai dirinya sehingga dia tidak mengendahkan nasihat daripada dua orang anaknya. Sehubungan itu, dia ingin mencabut kesemua bulu emas angsa tersebut sehingga akhirnya menyebabkan wanita itu menanggung akibat daripada perbuatannya itu. Hal ini dapat dilihat dalam Petikan 6 di bawah.

#### **Petikan 6:**

Wanita itu tetap dengan keputusannya. Apabila angsa tiba, dia menangkap angsa itu lalu mencabut semua bulu emasnya. Tiba-tiba, semua bulu yang dicabutnya itu, bertukar menjadi bulu biasa yang kasar dan aneh. Wanita itu menyesal dan memohon maaf kepada angsa. Angsa itu berkata, “Janganlah jadi orang yang tamak. Orang yang tamak selalu rugi.” Dia pun terbang dari situ dan tidak pernah kembali.

Berdasarkan Petikan 6, petikan menunjukkan bahawa watak wanita tersebut terlalu tamak dan telah menerima akibat iaitu satu kerugian yang tidak dapat diselamatkan lagi. Hal ini kerana angsa tersebut telah pergi dan meninggalkan tempat itu. Nilai Islam yang diutarakan dalam cerita rakyat ini sangat jelas yang mana ianya mendidik umat Islam supaya sentiasa bersyukur dengan rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah SWT. Sehubungan itu, nilai bersyukur dalam cerita rakyat ini

memberi cetusan rasa motivasi terhadap khalayak dan sekali gus membawa dorongan yang besar dalam pembentukan akhlak kepada masyarakat.

Sehubungan dengan ini, melalui prinsip Takmilah (Shafei Abu Bakar, 1997) iaitu prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *Kamil* (sempurna) juga diaplikasi dalam cerita rakyat ini. Prinsip ini dilihat pada pembawaan nilai bersyukur dalam cerita rakyat ini dengan menegaskan akibat daripada perangai tamak dapat menyentuh jiwa khalayak supaya sedar akan kepentingan bersyukur dengan rezeki Allah SWT.

### Nilai Taat

Menurut Azhariah Abdul Kadir (2010), nilai taat menurut perspektif Islam adalah perihal kepatuhan dan kesungguhan hati terhadap agama dan kesolehan. Selain itu, definisi taat dapat dirujuk dalam *Kamus Dewan* (2010) ialah sentiasa menurut perintah. Dalam konteks kajian ini, masyarakat yang berakhhlak mulia harus taat kepada ajaran agama Islam dan sentiasa menjadikan ajaran Islam sebagai panduan hidup.

Nilai taat didapati terkandung dalam sebuah cerita rakyat yang bertajuk *Bertukar Menjadi Batu*. Nilai taat ini ditegaskan dalam konteks taat kepada ajaran agama Islam yakni agama yang syumul. Hal ini dapat dilihat melalui Petikan 7 di bawah.

#### Petikan 7:

Seorang raja di sebuah kerajaan baru sahaja memeluk Islam dan mengamalkan undang-undang Islam. Dia mempunyai seorang putera bernama Cham yang suka berfoya-foya. Apabila mengetahui niat buruk Putera Cham, guru agamanya lantas menegahnya. Namun, tegahannya itu tidak diendahkan malah dia memaki dan menyebat gurunya itu sehingga meninggal dunia. Dengan tidak semena-mena, kakinya tidak dapat bergerak. Kapal dan seluruh isinya bertukar menjadi batu. Kohnnya, itulah asal Bukit Pancing ada di Kuantan hari ini. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p. 122)

Berdasarkan Petikan 7, sumber menerangkan akibat yang ditanggung oleh Putera Cham kerana melanggar undang-undang Islam dengan melakukan perkara yang lalai seperti berfoya-foya. Dia juga melanggar perintah dan tegahan daripada orang alim seperti watak guru agamanya sehingga sanggup memukul gurunya hingga meninggal dunia. Rentetan daripada itu, Allah SWT telah menurunkan bala terhadap Putera Cham serta isi kapalnya bertukar menjadi batu. Cerita rakyat yang bertemakan cerita kejadian alam iaitu kejadian Bukit Pancing di Kuantan ini telah diolah dengan mantap kerana diterapkan nilai Islam seperti nilai taat kepada ajaran Islam. Sehubungan dengan itu, pembentukan moral masyarakat secara tidak langsung akan dirangsang dengan penerapan nilai taat yang terkandung dalam cerita rakyat ini. Seseorang Muslim harus taat kepada Allah SWT, Rasulullah SAW dan Ulil-Amri serta segala hukum yang berpandukan al-Quran sebagai sumber undang-undang utama (Abdul Muhsin Bin Ahmad, 2016). Berdasarkan pendapat ini, menerusi cerita *Bertukar Menjadi Batu* ini jelas menunjukkan akhlak seorang Muslim itu harus dijalin dengan nilai taat kepada agama yakni agama Islam yang syumul supaya masyarakat yang berakhhlak mulia dapat dibentuk.

Nilai taat iaitu taat kepada pemimpin telah digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Mengapa Pinggang Kerengga Ramping*. Hal ini jelas tergambar dalam Petikan 8 di bawah.

#### Petikan 8:

Raja Kerengga bertitah, “Beta mahu semua rakyat mengikat perut kuat-kuat. Jika perut diikat, kita akan rasa kurang lapar. Beta sudah mencubanya.” Semua rakyat kerengga taat kepada perintah raja mereka. Mereka mengikat perut masing-masing. Mereka berasa gembira kerana cara itu berkesan. Apabila banjir surut, mereka pun dapat mencari makanan seperti biasa. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p.15)

Berdasarkan Petikan 8, sumber mengetahahkan nilai taat dalam konteks taat kepada pemimpin. Nilai tersebut digambarkan melalui kisah tempat tinggal kerengga yang dilanda banjir mengakibatkan mereka tidak dapat mencari makanan. Pemimpin mereka yakni Raja Kerengga telah menitahkan rakyatnya supaya rakyat mengikat perut. Walaupun perbuatan mengikat perut itu sesuatu yang mungkin memberi kemudaran kepada mereka, namun mereka tetap melakukannya kerana sifat taat terhadap raja mereka sangat kuat. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka meletakkan seluruh kepercayaan terhadap Raja Kerengga selaku pemimpin mereka dapat menyelesaikan masalah yang sedang melanda tempat tinggal mereka. Menurut perspektif Islam, setiap Muslim dituntut supaya bersabar dalam mentaati perintah pemimpin walaupun bertentangan dengan kehendak sendiri selagi ianya mendorong ke arah kebaikan.

Menerusi teori Takmilah yang diilhamkan oleh (Shafei Abu Bakar, 1997) analisis ini bersesuaian dengan prinsip keislaman yang bersifat *Akmal* (sempurna) di mana prinsip ini menggariskan tentang agama Islam sebagai agama yang sempurna dan syumul. Hal ini jelas menggambarkan kisah masyarakat zaman lampau menganut agama Islam harus mentaati undang-undang Islam supaya penghayatan terhadap Islam lebih efektif. Oleh itu, cerita rakyat ini harus diamati oleh masyarakat sebagai landasan penting bagi memastikan pembentukan moral dalam masyarakat Melayu terus berkembang.

## Nilai Persahabatan

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2014), nilai persahabatan berkait dengan nilai kasih sayang sesama manusia di mana lahirnya perasaan halus dan belas kasihan dari hati yang ikhlas tanpa sempadan waktu atau unsur kepentingan diri seterusnya membawa perlakuan yang baik dan harmoni. Selain itu, menurut Azmin Yusof dan Muhammad Ismail Abdullah (2017), persahabatan ialah sebuah jalinan sosial atau ikatan ukhuwah antara manusia. Di samping itu, menurut *Kamus Dewan* (2010), persahabatan merupakan perbuatan bersahabat atau perhubungan sebagai sahabat yang erat terjalin. Berdasarkan konteks kajian ini, manusia sebagai khilafah di atas muka bumi Allah S.W.T ini harus menjalankan hubungan persahabatan dalam persekitaran yang baik supaya dapat mendorong terhadap pembentukan akhlak yang baik dalam kalangan masyarakat.

Nilai persahabatan yang digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Bukit dan Pokok*. Gambaran nilai persahabatan ini dapat dilihat melalui Petikan 9.

### Petikan 9:

Dahulu, pokok dan bukit bersahabat baik. Pelbagai jenis pokok tumbuh di atas bukit antaranya ialah buluh, neram, ara, merbau dan lain-lain. Namun di dalam bukit ada emas dan bukit khuatir manusia meletupkannya. Jika perkara itu berlaku, semua pokok akan musnah. Bukit lalu berkata, “Berpindahlah kamu semua ke tempat baharu.” “Ke mana hendak kami pergi?” soal pokok kesedihan. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p. 36)

Menerusi Petikan 9, sumber jelas menunjukkan nilai persahabatan dia antara pokok dan bukit yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Nilai persahabatan digambarkan melalui peristiwa bukit menyuruh pokok berpisah dengannya kerana bimbang akan kekejaman manusia yang akan meletupkan bukit untuk mendapatkan emas. Sehubungan itu, pokok-pokok berasa sedih dengan apa yang terjadi. Namun begitu, itulah nilai persahabatan di mana bukit sanggup berkorban demi menyelamatkan sahabatnya, iaitu pokok.

Seterusnya, nilai persahabatan juga digarapkan dalam sebuah cerita rakyat yang berjudul *Setiakawan*. Gambaran nilai persahabatan dapat dilihat dalam Petikan 10 di bawah.

### Petikan 10:

Dahulu ada dua ekor gajah yang bersahabat baik. Seekor gajah jantan dan seekor lagi gajah betina. Setiap apa yang dilakukan pasti bersama-sama. Selang beberapa hari kemudian, gajah jantan pun mati. Gajah betina sangat sedih. Berhari-hari dia tidak makan dan minum. Akhirnya, gajah betina jatuh sakit dan dia pun mati di sisi sahabatnya, gajah jantan. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2017, p. 145)

Petikan 10 di atas membicarakan mengenai kekuatan nilai persahabatan yang menyebabkan gajah betina berasa sangat dengan kematian sahabatnya iaitu gajah jantan. Hal ini berlanjutan sehingga dia tidak makan dan minum dan akhirnya mati di sisi gajah jantan. Oleh itu, ini jelas menunjukkan nilai persahabatan dapat memberi kesan kasih sayang yang tidak terbatas dalam sesebuah hubungan persahabatan.

Justeru, masyarakat seharusnya membentuk akhlak yang kaya dengan nilai persahabatan supaya menjadi sebuah masyarakat yang mempunyai akhlak yang mulia. Sebagai seorang Muslim yang berakhhlak mulia, nilai Islam khususnya nilai persahabatan mesti dipupuk dalam diri. Hubungan persahabatan sangat dititikberatkan oleh Islam kerana ianya bukan sahaja berakhir di dunia bahkan turut dipersoalkan di akhirat (Azmin Yusof & Muhamad Ismail Abdullah, 2017).

Pengaplikasian teori Takmilah oleh Shafei Abu Bakar (1997) dapat dijelaskan melalui prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri (menyempurnakan) di mana pengkarya atau pengolah cerita rakyat ini harus mengistikmalkan diri (menyempurnakan) dalam mengolah dan menyampaikan cerita rakyat kepada masyarakat. Hal ini dapat dilihat pengolah cerita rakyat ini berusaha menggarap cerita sebagai sebuah penulisan yang memberi kesedaran mengenai nilai persahabatan kepada masyarakat. Oleh itu, nilai persahabatan wajar dijadikan dorongan untuk menyempurnakan akhlak sesebuah masyarakat Melayu.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, aspek nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu dapat memberi impak yang positif dan berkesan terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Hasil daripada penelitian membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu sarat dengan nilai Islam yang boleh dijadikan landasan atau jawapan kepada masyarakat Melayu dalam membina empayar akhlak yang utuh dan sempurna. Sehubungan dengan ini, garapan teori Takmilah seiring dengan prinsip-prinsipi telah terbukti sesuai diaplikasikan dengan kandungan nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Rentetan itu, cerita rakyat merupakan satu khazanah yang penting kepada orang Melayu. Oleh itu, cerita rakyat Melayu wajar dipelihara dan diangkat martabatnya kerana ianya sarat dengan nilai positif khususnya nilai Islam dan sebagai medium pembelajaran yang berkesan dalam pembentukan akhlak, sahsiah dan jati diri masyarakat Melayu.

## RUJUKAN

- Abd. Muhsin Ahmad. (1999). Family Law in Malaysia. *Malayan Law Journal*, 381-399.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (1993). *Pendidikan Nilai Merentasi Kurikulum KBSM*. Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Achmad D. Marimba. (1981). *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Penerbit Al-Maruf.
- Asmawati Suhid. (2004). *Akhlik Islam*, dlm. Abd. Rahman Md. Aroff. *Pendidikan Moral. Teori Etika dan Amalan Moral*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azhariah Binti Abdul Kadir. (2010). *Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Perspektif Teori Ulu Al-Amr*. Ijazah Sarjana Syariah. Jabatan Siasah Syar'iyyah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azmin Yusoff & Muhamad Ismail Abdullah. (2017). Adab Unggul Islam dalam Persahabatan Antara Islam. *Malaysian Online Journal of Education*. 1 (2), 102-112.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuran Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan. (2010). Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Quraish Shibab. (1997). *Wawasan al-Qur'an: Tafsir Tematik atas Pelbagai Persoalan*. Penerbit Mizan.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education And Applied Linguistics*. 3, 91-100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business and Social Development*. 4(2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Khairi Bin Shafei & Mohamad Khairi Bin Haji Othman. (2016). Kefahaman dan Pengamalan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*. Universiti Utara Malaysia, 25-27 Oktober.
- Mohd Rosli Saludin. (2007). *Nilai-nilai Islam dalam Teromba*. Penerbit Goal Intelligence Pub.
- Mohd Taib Osman. (1965). *Kesusasteraan Melayu Lama*. Penerbit Federal Berhad.
- Muhd Mu'inudinillah Basri. (2008). *Indahnya Tawakal*. Penerbit Indiva Pustaka.
- Nik Azis Nik Pa. (1990). *Program Pendidikan Pelajar Pintar Cergas: Teori dan Praktik*. Penerbit Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*. 2 (6), 78-87.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2016). Dissemination of Values through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Technology*. (1), 32-36.
- Plummer, K. (1997). *Sociologi the Basic*. Penerbit RajaGrafindo Persada.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar. (2020). Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.
- Rezki Perdani Sawai, Salhah Binti Abdullah, Dini Farhana Baharuddin & Noranis Ismail. (2009). Penerapan Nilai-Nilai Islam Melalui Penggunaan Media Dalam Pendidikan. *Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam*. Hotel Equatorial, Bangi. 21-22 Julai.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Shafei Abu Bakar. (1997). *Estetika dan Takmilah* dlm. Mana Sikana. Pembangunan Seni dan Sastera. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir. (2017). *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Edukid Publication Sdn. Bhd
- Taylor, K., Post, A., Hoshizaki, T. B., & Gilchrist, M. D. (2019). The effect of a novel impact management strategy on maximum principal strain for reconstructions of American football concussive events. *Proceedings of the Institution of Mechanical Engineers, Part P: Journal of Sports Engineering and Technology*, 233(4), 503-513.  
<https://doi.org/10.1177/1754337119857434>